

PEP. PERCUBAAN SPM**3766/2****PERNIAGAAN****NOVEMBER 2021****2 ¼ jam**

Dua jam lima belas minit

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2021
TINGKATAN 5**

PERNIAGAAN

Kertas 2

2 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A, B dan C***
2. *Jawab **lima** soalan daripada **Bahagian A**, **dua** soalan daripada **Bahagian B** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian C**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam di dalam kertas yang disediakan. Sekiranya tidak mencukupi sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperikasan.*
4. *Anda dinasihatkan supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan **B** serta 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian C**.*
5. *Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

- 1.(a) Gambar di bawah menunjukkan sebuah organisasi yang bukan bermotifkan untung.



- (i) Jelaskan tujuan organisasi tersebut ditubuhkan. [2 markah]
 (ii) Terangkan **dua** kaedah perniagaan yang digunakan oleh organisasi tersebut. [4 markah]
 (b) Situasi di bawah berkaitan perniagaan yang dijalankan di Maran, Pahang.

Perniagaan Elektrik Teratai telah memulakan operasi pada tahun 2016 dengan menjual peralatan elektrik dengan modal permulaan sebanyak RM100 000 yang disumbangkan oleh 4 orang sahabat yang mempunyai pengalaman dalam bidang elektrik.

- Jelaskan kelebihan bentuk pemilikan perniagaan tersebut? [4 markah]
2. (a) Jelaskan tentang pengecualian cukai. [2 markah]
 (b) Terangkan faktor berikut yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.
 (i) gaya pengurusan [4 markah]
 (ii) ekologi [4 markah]
3. (a) Gambar di bawah berkaitan Kedai Gunting Abe Wan.




- Kenal pasti saluran pengagihan yang sesuai digunakan. Kemukakan alasan. [4 markah]
 (b) Terangkan kepentingan interaksi dilakukan dengan organisasi luar. [6 markah]

4. (a) Terangkan **dua** faktor penentu sistem penggajian. [4 markah]
 (b) Gambar di bawah menunjukkan jenis sumber fizikal.



Sumber 1



Sumber 2

Huraikan kedua-dua sumber fizikal tersebut? [6 markah]

5. (a) Situasi di bawah berkaitan sejenis sumber pembiayaan yang diperlukan oleh Encik Khasaf.

Besta Enterprise memerlukan sumber kewangan dengan segera bagi tujuan pembelian bahan mentah kerana permintaan produk daripada pelanggan semakin meningkat. Pemiliknya Encik Khasaf telah menjual beberapa invois yang belum dijelaskan oleh pemutangnya kepada sebuah institusi kewangan.

Jelaskan jenis sumber pembiayaan yang sesuai digunakan oleh Besta Enterprise. [4 markah]

(b) Jelaskan kemudahan kewangan yang disediakan oleh agensi kerajaan di bawah:

- (i) Majlis Amanah Rakyat (MARA) [3 markah]



- (ii) Syarikat Jaminan Kredit Malaysia (CGC) [3 markah]



6. (a) Terangkan **dua** pihak berkepentingan kepada penyata kewangan. [4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan perniagaan Sinar Pagi Sdn. Bhd dan Era Zaman Sdn. Bhd.

Nisbah	Sinar Pagi Sdn. Bhd	Era Zaman Sdn. Bhd
% Untung Tokokon	25%	20%
% Margin Untung Bersih	15%	12%
Nisbah Semasa	3:1	4:1
Pusing Ganti Aset	4 kali	3 kali
Pusing Ganti Stok	5 kali	4 kali

(i) Prestasi perniagaan manakah lebih baik. Berikan alasan. [3 markah]

(ii) Perniagaan manakah mempunyai keupayaan membayar hutang yang lebih baik. Kemukakan alasan. [3 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]


Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini

7. (a) Maklumat berikut berkaitan bentuk sejenis pemilikan perniagaan.

Nama perniagaan: Teguh Jati Sendirian Berhad
 Aktiviti perniagaan: Perabot kayu jati
 Modal : RM2 500 000
 Bilangan pekerja tetap : 50 orang
 Jumlah jualan tahunan 2018: RM10 juta
 Pasaran : di seluruh Malaysia

- (i) Jelaskan klasifikasi perniagaan di atas mengikut saiz. [3 markah]
 (ii) Terangkan **tiga** cabaran saiz perniagaan yang dinyatakan di a(i). [6 markah]
- (b) Huraikan skala perniagaan Teguh Jati Sendirian Berhad. [3 markah]
- (c) Mengapakah perniagaan itu ditubuhkan sebagai syarikat sendirian berhad. [3 markah]

8. (a) Rajah menunjukkan trend dalam pertumbuhan ekonomi.




Jelaskan keadaan yang berlaku di Fasa 1 (X) dan Fasa 2 (Y). [6 markah]

(b) Maklumat di bawah berkaitan Syarikat Astana Timur Sdn. Bhd.

Syarikat Astana Timur Sdn. Bhd ditubuhkan pada 1 Jun 2017 beroperasi di Seremban, Negeri Sembilan. Pada awalnya struktur organisasi terdiri daripada seorang pengurus besar dan beberapa orang pengurus yang ditugaskan di setiap jabatan iaitu pembinaan dan kewangan. Pada tahun 1 Mei 2018 satu lagi jawatan baru ditubuhkan iaitu pengurus pemasaran.

- (i) Lukiskan struktur organisasi berdasarkan maklumat tersebut. [3 markah]
- (ii) Jelaskan ciri struktur organisasi berdasarkan (b)(i) di atas. [3 markah]
- (c) Jelaskan peranan bahagian fungsian kewangan dalam Syarikat Astana Timur Sdn. Bhd. [3 markah]

9. (a) Dialog dibawah di antara dua orang usahawan.



Terangkan **tiga** kekuatan yang dimaksudkan oleh Lim. [6 markah]

(b) Perbualan berikut adalah antara dua orang sahabat berkaitan faktor untuk memulakan perniagaan.

Encik Mazlan	Kalau ikutkan perkiraan semasa, rasanya wang dan peralatan yang diperlukan untuk membuka pusat tuisyen sudah mencukupi.
Encik Shahrul	Ya betul juga. Kita boleh mulakan operasi pusat tuisyen di Taman Jengka Mahkota dengan segera. Kedudukan pusat tuisyen berhampiran dengan sekolah yang tentunya dapat menarik ramai pelajar.

Huraikan **tiga** faktor selain di atas yang perlu dipertimbangkan sebelum mereka memulakan operasi perniagaan tersebut. [9 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab

10. Encik Sidek bin Jasuli pada mulanya bermula dalam usaha runcit di Simpang Merbok, Temerloh Pahang. Beliau nekad menutup perniagaan runcit semata-mata untuk menceburi bidang perniagaan baru iaitu penternakan burung puyuh yang akan diusahakan sepenuhnya bersama isteri serta dibantu oleh empat orang anak lelakinya. Kegagalan perniagaan runcitnya akan dijadikan pembakar semangat untuk berjaya dalam penternakan burung puyuh..

Pada 2017, beliau menceburi bidang ini secara kecil-kecilan dengan 500 ekor burung puyuh sebagai permulaan yang diambil dari Kelantan, tambahan lagi pada ketika itu tidak ramai usahawan menternak puyuh. Minat itu timbul kerana ternakan puyuh tidak susah dan ketika itu, Jabatan Veterinar turut memberi galakkan kepada Encik Sidek untuk menceburi bidang ini dan alhamdulillah pada tahun 2018, beliau berjaya komersialkan produk ini dengan jenama “Puyuh Best”.

Bagi memastikan perusahaanannya berkembang, anak sulongnya yang juga lepasan Universiti Pertanian Malaysia telah membeli mesin penetasan terpakai disebabkan sumber pembiayaan yang terhad. Beliau bercadang mendapatkan mesin penetasan burung puyuh yang baru dengan cara menyewa daripada institusi kewangan dan mengembalikannya selepas tamat tempoh sewaan. Mesin baru itu mampu menghasilkan 10,000 anak puyuh setiap bulan.

Selepas itu pembiayaan ini selesai, timbul masalah lain apabila semakin ramai usahawan puyuh ini muncul menyebabkan lambakan di pasaran dan memaksa kami mencari alternatif pemasaran lain. Encik Sidek memperkenalkan puyuh perap dengan empat perisa iaitu puyuh rempah, percik, sate dan lada hitam. Beliau sering menyertai promosi yang dianjurkan oleh agensi kerajaan seperti menjual produk burung puyuhnya di pasar tani. Anaknya mencadangkan kepada Encik Sidek supaya menggunakan alternatif lain iaitu trak makanan untuk mengembangkan lagi produk burung puyuhnya. Ini masih dalam pertimbangan beliau.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut.

- (a) Huraikan sektor perniagaan di mana Encik Sidek terlibat. [3 markah]
- (b) Terangkan **dua** ciri keusahawanan yang dimiliki oleh Encik Sidek. [4 markah]
- (c) Cadangkan **satu** sumber pembiayaan yang sesuai kepada Encik Sidek.
Berikan alasan. [5 markah]
- (d) Kenal pasti **satu** agensi yang boleh memasarkan burung puyuh kepada pelanggan.
Jelaskan peranan agensi tersebut. [4 markah]
- (e) Setujukah anda dengan cadangan anak Encik Sidek menggunakan trak makanan.
Kemukakan alasan. [4 markah]

Kertas Soalan Tamat